

BAB DUA

MAHAR MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

2.0 PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah ikatan suci yang terjalin antara dua pihak yang direstui oleh keluarga dan sanak saudara. Islam sememangnya mengiktiraf ikatan ini melalui etika dan hak-hak yang telah digariskan selari dengan kehendak syariat dan keperluan manusia.

Mahar adalah suatu pemberian wajib yang harus diberikan kepada isteri oleh pihak suami sewaktu berlangsungnya majlis akad nikah.¹ Pemberian ini sebenarnya melambangkan satu penghormatan agama Islam terhadap seorang wanita dan juga sebagai simbol kasih sayang seorang suami terhadap isterinya.

Mahar yang diberikan oleh suami kepada isteri ini diiktiraf sebagai hak mutlak seorang isteri di mana kerelaan dan persetujuannya dinyatakan oleh kedua-dua belah pihak di dalam *sighah* akad nikah yang dilafazkan. Oleh sebab itu, *mahar* ini merupakan elemen penting yang wajib ada dalam upacara sesebuah perkahwinan Islam.

Di dalam bab ini, beberapa topik akan dibincangkan seperti latar belakang istilah *mahar*, kedudukannya di dalam sumber utama perundangan Islam, hukum *mahar*, klasifikasi *mahar* dan keadaan penetapannya, kriteria *mahar* menurut Islam serta kupasan mengenai kadar *mahar* dan tidak ketinggalan perbincangan mengenai cara pembayarannya.

¹ Wahbah al-Zuhayli, (2008), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, jil.7, Damsyiq : Dār al-Fikr, h.247

2.1 LATAR BELAKANG ISTILAH MAHAR

Menelusuri sejarah dan tamadun manusia, amalan pemberian *mahar* dalam perkahwinan ini sebenarnya telah lama wujud dan ia berasal dari adat resam masyarakat Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam lagi. Malah ia merupakan adat yang tertua dalam konteks hubungan kekeluargaan yang masih kekal diamalkan dalam kehidupan manusia sehingga kini.²

Dalam memperkatakan kedudukan *mahar* sebagai elemen yang penting bagi masyarakat Jahiliyyah, O. Speir ada membuat ulasan yang menyatakan:³

“Di kalangan masyarakat Jahiliyyah mahar adalah syarat terpenting bagi perkahwinan yang sah. Setelah mahar diberi barulah perkahwinan suami dan isteri dianggap sah dari segi undang-undang. Perkahwinan tanpa mahar dianggap amat keji dan sebagai penggundikkan...”

Mahar sebenarnya berasal daripada perkataan Arab "مهر – مهرا – أمهر" yang bermaksud pemberian yang diberi kepada perempuan dan dijadikan *mahar*.⁴ Dalam agama Islam *mahar* adalah hadiah yang diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan semasa akad nikah dan ianya menjadi hak milik isteri.⁵

Di kalangan masyarakat Melayu pula, *mahar* dikenali juga sebagai mas kahwin. *Mahar* disebut sebagai mas kahwin kerana pada zaman dahulu emas dijadikan sebagai wang *mahar* perkahwinan seseorang, dan kerana biji-biji emas itu merupakan matawang.⁶

² Gibb and Kramers (1961), *Shorter Encyclopaedia of Islam*, Leiden : E. J. Brill, h.314

³ Othman Ishak (1982), “*Mahar Dalam Perundangan Islam*”, *Jurnal Hukum*, Jil. 3 Bil. 1, h.20

⁴ Fu'ad Afram al-Bustani (1973), *Munjid al-Tullab*, cet.15, Beirut : Dār al-Mashriq, h.750

⁵ *The Encyclopaedia of Islam* (1991), jil. 6, Leiden : E. J. Brill, h.77

⁶ H.M. Sidin (1964), *Asal Usul Adat Melayu*, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h.43

Hal ini sedikit berbeza masyarakat Islam dan bukan Islam di India⁷ di mana *mahar* ini dimaksudkan sebagai *dowry*⁸ iaitu pembayaran dari pihak perempuan kepada pihak lelaki kerana beranggapan setiap pembayaran di dalam perkahwinan adalah *mahar*.

Bagi sarjana barat mereka menyatakan maksud *mahar* ini sebagai satu pemberian yang perlu diberikan kepada wanita setelah berkahwin. Pandangan ini dikemukakan oleh beberapa pengakaji barat yang mengkaji tentang Islam seperti Cyril Glasse memberi pengertian *mahar* sebagai pemberian perkahwinan yang diberi kepada pengantin perempuan dan isteri memiliki sepenuhnya jika berlaku perceraian.⁹ Tetapi praktik di zaman moden ini yang menuntut pembayaran *mahar* yang tinggi menyebabkan timbulnya permasalahan sosial.¹⁰ Bagi Gordon D. Newby, *mahar* ini merupakan sebahagian daripada keperluan perkahwinan dan tidak sah sesebuah perkahwinan tanpanya dan Islam sangat mengambil berat mengenai kadarnya agar tidak terlalu tinggi mahupun terlalu rendah.¹¹

Sarjana Islam pula memberikan pelbagai takrifan *mahar* antaranya ia adalah harta yang wajib diberikan kepada wanita sebagai menggantikan persetubuhan dalam pernikahan yang sah atau persetubuhan shubhah atau di dalam nikah *fāsid*¹² bagi membolehkan suami *beristimta'* (berseronok) dengannya dan hukum memberinya adalah wajib.¹³ Imam Taqi al-Dīn al-Ḥusaini turut mentakrifkan *mahar* sebagai harta yang wajib diberikan kepada wanita oleh lelaki kerana berlakunya pernikahan atau persetubuhan.¹⁴

⁷ Werner F. Menski (1990), "The Reform of Islamic Family Law and Uniform Civil Code for India" in Chibli Mallat & Jane Connors (eds.), *Islamic Family Law*, London: Graham & Trotman, h.278-279

⁸ Pascale Fournier (2010), "Flirting With God In Western Secular Courts : Mahr In The West" , *International Journal of Law, Policy and The Family*, Bil 24 (1), h. 67-94

⁹ Cyril Glasse (1999), *Ensiklopedia Islam Ringkas*, Ghufon A. Mas'di (terj.), cet.2, PT RajaGrafindo Persada : Jakarta, h.244

¹⁰ *Ibid*.

¹¹ Gordon D. Newby (2002), *The Concise Encyclopedia of Islam*, Oneworld: Oxford, h.136

¹² Abdul Rahman Bin 'Iwād al-Jazīrī (2005), *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'ah*, jil.4, Qaherah : Maktabah Dār al-Turath, h.75

¹³ Abū Bakar Jābir al-Jazāirī (1964), *Minhaj al-Muslim*, Madinah : Maktabah al-'Ulum wa al-Ḥukum, h.407

¹⁴ Taqi al-Din Abi Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaini al-Shāfi'ī (1937), *Kifāyah al-Akhyār fi Ḥal Ghayah al-Ikhtisār*, cet.3, jil.2, Mesir : Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādihi, h.37

Jika diteliti kesemua definisi yang digariskan oleh fuqaha' ini mempunyai pengertian yang sama antara satu sama lain iaitu *mahar* diwajibkan dengan sebab gantian atau pertukaran kepada persetubuhan. Pengertian ini sebenarnya tidak menggambarkan maksud sebenar *mahar*, bahkan ia sebenarnya memberikan gambaran yang negatif terhadap wanita kerana *mahar* dinilai dan dilihat seperti gantian harga diri, barang dagangan, harga belian dan seumpamanya. Oleh sebab itu, *mahar* perlu dilihat daripada pengertian simboliknya.¹⁵

Di dalam al-Quran sendiri, pelbagai istilah seperti *فريضة*, *نحلة*, *حباء*, *نكاح*, *طول* dan *علائق*¹⁶ yang digunakan secara tersirat bagi menggambarkan pengertian *mahar* yang sebenar dan kesemuanya berdasarkan konsep yang sama iaitu sebagai hadiah dan pemberian.¹⁷ Di antaranya adalah istilah *niḥlah*. Ibn Kathir menyatakan bahawa perkataan *niḥlah* bermaksud pemberian yang penuh dengan kerelaan yang diberikan kepada si isteri¹⁸ dan dapat difahami apabila sesuatu itu diberi dengan kerelaan, si pemberi tidak akan meminta balasan. Ini menunjukkan bahawa *mahar* adalah satu simbol keikhlasan niat suami yang ditunjukkan terhadap isterinya melalui pemberian atau hadiah.

Begitu juga dengan perkataan *Ṣadūq* yang berasal dari perkataan *ṣadaqa* dalam al-Nisa' ayat ke 4 surah yang bermaksud *mahar* bagi wanita¹⁹ dan bererti kebenaran, lawan kepada dusta.²⁰ Ini membawa gambaran bahawa *mahar* sebagai simbol kebenaran dan kejujuran niat lelaki dalam menjalin hubungan dengan pasangannya.²¹

¹⁵ Raihanah Hj. Azhari (2006), "Pengaruh Budaya Melayu Dalam Penentuan Kadar *Mahar*" dalam Md. Saleh Hj. Ahmad et al. (eds.), *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, Universiti Malaya : Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam, h.315

¹⁶ Abi Muḥammad 'Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah (1992), *Al-Mughnī*, jil.10, Qaherah : Hijr, h. 97

¹⁷ 'Abdur Rahman I. Doi (1990), *Shari'ah : The Islamic Law*, London : Ta Ha Publishers, h.155

¹⁸ Abū Fida' Isma'il bin Kathir al-Qursyī(2004), *Tafsīr Ibn Katsir*. M. Abdul Ghaffar (terj.), jil.2, Jakarta : Pustaka Imam Syafei,h.234

¹⁹ Aḥmad 'Atiyyatullah (1976), *al-Qamus al-Islamī*, jil.4, Qaherah : Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, h.258

²⁰ Muḥammad bin Abī Bakr bin 'Abdul Qādir al-Rāzī (1995), *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, Lubnan : Maktabah Lubnān, h.151

²¹ Raihanah Hj. Azhari (2006), *op.cit.*, h.316

Daripada pengertian ini dapatlah kita katakan bahawa *mahar* pada dasarnya adalah satu bentuk pemberian dari suami sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada isteri dan sebagai simbol kasih sayang terhadapnya di samping melambangkan keikhlasan komitmen suami dalam membina rumahtangga.

Pensyariatan *mahar* membuktikan bahawa Islam telah mengangkat status sosial wanita dan ia juga merupakan proses mengislamisasikan amalan masyarakat Arab Jahiliyyah di mana Islam memberikan hak pemilikan *mahar* kepada wanita secara mutlak dan memberi mereka hak memiliki harta sendiri²², malah jika berlaku perceraian hak isteri terhadap *mahar* tidak akan terjejas kecuali dalam kes *khulu'* iaitu perceraian berlaku disebabkan permintaan isteri dan pertimbangan akan dilakukan samada untuk membayar separuh atau sepenuhnya kepada isteri.²³

Ini kerana pada zaman Jahiliyyah, *mahar* tidak menjadi hak mutlak seorang wanita tetapi wali atau kedua ibubapanya lebih berhak ke atasnya kerana mereka menganggap bahawa anak gadis adalah hak milik kepada bapa atau waris lelaki jika si bapa meninggal dunia.²⁴ Wali yang dimaksudkan adalah bapa, adik beradik lelaki atau saudara mara yang menjaga gadis tersebut.²⁵ Mereka berhak mengahwinkan anak perempuan yang kematian suami dengan sesiapa sahaja yang dikehendaki malah mereka juga boleh merampas *mahar* wanita tersebut jika suaminya telah meninggal dunia.²⁶

²² Afif Abdul Fattah Tabarrach, (1978), *Wanita dan Keluarga dalam Islam*, Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h.2-3

²³ 'Abdur Rahman I. Doi (1990), *op.cit.*, h. 158

²⁴ Murtaza Mutahhari (1986) *Wanita dan Hak-haknya di dalam Islam*, Jakarta: Pustaka Bintang Bandung, h.169

²⁵ Othman Ishak (1982), "*Mahar Dalam Perundangan Islam*", *Jurnal Hukum*, Jil. 3 Bil. 1, h.20

²⁶ Murtaza Mutahhari (1986), *op.cit.*

Hal ini memperlihatkan kepada kita bahawa tiada amalan yang dipraktikkan bagi menghormati hak *mahar* ini. Justeru kedatangan Islam dilihat sebagai satu revolusi dalam hukum perkahwinan dengan menjadikan *mahar* sebagai elemen penting dalam perkahwinan. Ini menjadikan institusi perkahwinan sebagai institusi yang terbaik serta memelihara kehormatan wanita²⁷ dengan mengangkat dan memuliakan fungsi *mahar* sebagai “harga wanita” kepada pemberian berdasarkan kasih sayang, kejujuran dan keikhlasan.²⁸ Secara tidak langsung, amalan di zaman Jahiliyyah yang menafikan hak wanita dalam mendapatkan *maharnya* dan hak pewarisan harta yang menindas kaum wanita ketika itu berjaya dihapuskan dengan kedatangan Islam. Begitu juga amalan pernikahan secara pertukaran tanpa *mahar*; *al-shighār* telah diubah kepada pemberian *mahar* yang lebih adil.²⁹

Sistem *mahar* yang diperkenalkan oleh Islam ini telah membawa identitinya yang tersendiri dan membezakan Islam dengan budaya masyarakat lain³⁰ seperti bangsa Afrika dan sistem perkahwinan di Eropah lama yang mengeksploitasi wanita seolah-olah menjadi barang dagangan serta menafikan hak mereka dalam memiliki harta.³¹ Melalui pembaharuan ini juga, agama Islam telah menjadi medium dalam melindungi wanita daripada terus dijadikan mangsa penindasan, didiskriminasi dan dinafikan haknya kerana agama ini berasaskan prinsip keadilan dan kemaslahatan.³²

²⁷ Asghar Ali Engineer (1992), *The Right of Women in Islam*, Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd, h.23

²⁸ *Ibid.*, h.111

²⁹ Murtaza Mutahhari (1986), *op. cit.*, 170-171

³⁰ Jamal A. Badawi 91976) “Women in Islam” in Khursid Ahmad (ed.), *Islam : Its Meaning and Message*, London : Islamic Council of Europe, h.138

³¹ ‘Abdur Rahman I. Doi (1990), *Women In Shari’ah (Islamic Law)*, cet. 3, Kuala Lumpur : A.S. Noordeen, h.155

³² Raihanah Hj. Azhari (2006), *op.cit.*, h.317

2.2 MAHAR DALAM SUMBER UTAMA PERUNDANGAN ISLAM

Pengiktirafan Islam terhadap hak isteri dalam memiliki *mahar* dan kewajipannya ke atas pihak lelaki sebenarnya mempunyai asas yang kukuh yang telah dinyatakan dalam nas-nas yang tercatat di dalam al-Quran, al-Hadis mahupun Ijmak para ulama'. Setiap etika hukum yang digariskan oleh syariat semuanya berasaskan sumber yang asli dan tiada keraguan. Surah al-Nisa' sememangnya sinonim membicarakan hak dan perihal seorang wanita secara khusus terutamanya hal ehwal perkahwinan. Firman Allah S.W.T :

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ
شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيًّا

Maksudnya :

“dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mahar-mahar mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maharnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat lagi baik kesudahannya”.

Surah al-Nisa'(4):4

Ibn Kathir menyatakan kandungan perbicaraan di dalam ayat ini adalah mengenai kewajipan seorang lelaki menyerahkan *mahar* dalam keadaan yang penuh kerelaan³³ dan majoriti ahli tafsir menyatakan bahwa perkataan *nihlah* di dalam ayat ini adalah bermaksud pemberian yang baik iaitu *mahar*.³⁴

³³ Ibn Kathir (2004), *op.cit.*, h.234

³⁴ Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn Ibn al-‘Allāmah Ḍiya’ al-Dīn ‘Umar (1994), *Tafsīr al-Rāzī*, jil.5, juz.9, Beirut : Dār al-Fikr, h.188

Namun terdapat percanggahan yang diutarakan oleh *mufasssirīn* mengenai kepada siapa ayat ini ditujukan dan diturunkan, samada suami kerana tanggungjawabnya membayar *mahar* sewaktu pernikahan, atau wali kerana di zaman Jahiliyyah mereka mengambil kesemua *mahar* ataupun mereka yang melakukan nikah *al-shigār* di mana mengahwinkan saudara perempuan mereka secara pertukaran dan tanpa *mahar*. Pendapat yang dilihat lebih dominan adalah ditujukan kepada suami kerana ayat sebelumnya ditujukan kepada mereka.³⁵

Bagi ulama' kontemporari seperti Muhammad 'Abduh, beliau menyatakan tiada halangan sekiranya ayat ini ditujukan kepada semua lelaki Islam³⁶ kerana mereka juga adalah seorang suami dan wali yang seharusnya menunaikan hak yang diamanahkan secara amanah dan jujur.

Islam amat mementingkan pembangunan moral dan sahsiah diri. Justeru, Allah S.W.T melarang pengambilan *mahar* daripada isteri setelah memberinya kerana ini bertentangan dengan prinsip moral Islam untuk meminta kembali hadiah atau pemberian yang telah diberi³⁷ samada jumlah yang sedikit ataupun banyak. FirmanNya:

وَأِنْ أَرَدْتُمْ أَسْتَبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ
وَأَتَيْتُمْ إِحْدَهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا
أَتَأْخُذُونَهُ بِهَتَنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا

³⁵ Abī Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Ṭabari (1998), *Tafsīr Ṭabari*, jil.2, Damsyiq : Dār al-Qalam, h.502

³⁶ Muḥammad Rashid Raḍa (1923 M/1373H), *Tafsīr al-Qurān*, jil.4, Qaherah : Dār al-Manār, h.376.

³⁷ Sayyid Sābiq (1990), *Fiqh al-Sunnah*. Mohammad Talib (terj.), jil.7, Kuala Lumpur : Victory Agencie, h.160.

Maksudnya :

“dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata”

Surah al-Nisa’ (4):20

Perkataan *Qinṭar* di dalam ayat ini bermaksud harta yang banyak namun nilai sebenarnya tidak dapat ditentukan kerana ada yang menyatakan ianya 1200 uqiyah atau 1100 dinar atau 1100 dirham.³⁸

Ayat ini juga menunjukkan keharusan memberi dan menaikkan *mahar* pada harga yang tinggi³⁹ kerana terdapat sebuah kisah di mana ‘Umar al-Khaṭab yang mahu mengubah peraturan tentang *mahar* dengan membataskan kadarnya tidak melebihi empat ratus dirham. Kemudian seorang wanita dari suku kaum *Quraishy* bangun berhujah dan menyangkal ucapan ‘Umar, maka ‘Umar menarik kembali kata-katanya.⁴⁰

Al-Qurṭubi menjelaskan kalimah *qinṭar* dalam ayat ini sebenarnya tidak menunjukkan maksud harta yang banyak secara total kerana ia digunakan sebagai bahasa kiasan sahaja.⁴¹ Keterangan ini disokong oleh sarjana barat seperti David Pearl dan Werner Menski yang melihat kewajipan *mahar* ini sebagai satu keperluan seperti yang dinyatakan di dalam al-

³⁸ al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j.4, juz.7, h.112

³⁹ Ibn Kathir (2004), *op.cit.*, h.261

⁴⁰ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī (1971), *Nail al-Auḍār*, jil.5, Mesir : Syarikah Maktabah wa Matba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādihi, h.191

⁴¹ Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubi (2006), *Jāmi’ Ahkām al-Qur’ān*, jil.6, Beirut : Muassasah al-Risalah, h.165.

Quran dan ia sama sekali berbeza dengan konsep “*bride-price*” kerana fungsi *mahar* seharusnya dilihat pada peranannya di dalam perkahwinan bukan pada sifat materialnya.⁴²

Kenyataan ini seiring dengan prinsip Islam yang tidak mahu membebankan umatnya seperti hadis yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah yang menunjukkan kesederhanaan dan kemudahan dalam pemberian *mahar*.

"و عن عائشة أنّ رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ان أعظم النكاح بركةً أيسره مئونة"

Maksudnya :

“Dari ‘Aisyah bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda :
Perkahwinan yang paling berkat adalah yang ringan
(mudah) maharnya”.⁴³

Kepentingan pemberian *mahar* ini tidak boleh diperkecilkan. Bagi cedikiawan barat seperti C.E. Boswoeth dan sarjana lain yang berfahaman Orientalis, mereka menyatakan *mahar* adalah kewujudan *mahar* adalah di antara bahagian yang terpenting di dalam akad perkahwinan.⁴⁴

Begitu juga dengan John L. Esposito yang melihat bagaimana amalan pemberian *mahar* bukan sekadar mengikut hukum yang telah ditetapkan tetapi boleh menjadi elemen penting di dalam kontrak perkahwinan bagi wanita melindungi haknya dan juga sebagai cara mengawal kuasa talak seorang suami.⁴⁵

⁴² David Pearl and Werner Menski (1998), *Muslim Family Law*, London : Sweet & Maxwell, h.179

⁴³ Abū Dawūd Sulaymān ibn al-Ash`ath al-Sajistānī (t.t), *Sunan Abī Dawūd*. “Kitab al-Nikāh, no.hadis : 2111. jil.2. Lubnan: Dār Iḥyā’ al-Sunnah al-Nabawīyyah, h.238

⁴⁴ C.E. Boswoeth *et.al.* (1995), *The Encyclopaedia of Islam* , jil.6, Leiden : E. J. Brill, h.79

⁴⁵ John L. Esposito (1980), *Women in Muslim Family Law*, New York : Syracuse University Press, h. 24-25

Sehubungan itu, cendikiawan Islam moden kini melihat bahawa amalan *mahar* ini bukan sekadar menurut apa yang telah disabitkan di dalam syarak, tetapi ia juga menjadi simbol kepada penghormatan kepada wanita⁴⁶ dan sebagai perintah wajib yang berasaskan kasih sayang, cinta, ikatan perhubungan dan kejujuran.⁴⁷

Wahbah al-Zuhaylī juga mengulas bahawa wajibnya *mahar* ke atas lelaki bukannya ke atas wanita adalah sebagai cara wanita itu dimuliakan serta menunjukkan Islam mengaturnya secara rapi semenjak permulaan Islam lagi kerana lelaki lebih berhak ditakliffkan untuk memberi nafkah dan mencari rezeki sebaliknya wanita lebih sesuai melakukan tugas sebagai ibu mendidik anak-anak dan yang seumpama dengannya.⁴⁸

2.3 HUKUM MAHAR DAN SEBAB PENENTUANNYA

Fuqaha' telah berijmak bahawa hukum memberi *mahar* adalah wajib ke atas lelaki dan ia berbeza-beza mengikut mazhab.⁴⁹ Dalam hal ini Imam al-Kāsānī telah memberikan tiga sebab dan menjelaskannya secara terperinci.⁵⁰ Sebab yang pertama ialah apabila terjadinya persetubuhan di antara suami dan isteri maka *mahar* yang telah diwajibkan di dalam akad perkahwinan tadi telah menjadi hutang pada diri suami.⁵¹ Firman Allah S.W.T :

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُم إِلَىٰ
بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٦١﴾

⁴⁶ Abdur Rahman I. Doi (1984), *Shari'ah : The Islamic Law*, London : Ta Ha Publisher, h.159

⁴⁷ Muḥammad Rashid (1923 M/1373H), *op.cit.*

⁴⁸ Wahbah al-Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.249

⁴⁹ *Ibid.* h.285

⁵⁰ Kāsānī al-Ḥanafī, 'Ala' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd al- (t.t.), *Bada'i' al-Ṣana'i' fi Tartib al-Sharā'i'*, Qaherah : Zakariyya 'Ali Yusuf

⁵¹ *Ibid.*

Maksudnya :

“Bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?”

Surah al-Nisa’ (4):21

Dalam konteks persetubuhan ini, Imam Nawāwī telah membahaskan secara mendalam mengenai persetubuhan melalui dubur. Terdapat dua pandangan mengenainya di dalam Mazhab Shāfi’ī.⁵² Pandangan yang pertama menyatakan hak isteri terhadap *mahar* gugur sepenuhnya kerana persetubuhan yang sebenar mestilah melalui faraj⁵³ dan pendapat ini digunakan dalam Mazhab Ḥanafī.⁵⁴ Pandangan kedua pula menyatakan *mahar* kekal menjadi hak isteri kerana keadaannya sama seperti bersetubuh melalui faraj dan pendapat yang *rajih* dalam Mazhab Shāfi’ī⁵⁵ dan Ḥanbali.⁵⁶

Al-Kāsānī menjelaskan sebab kedua kewajipan memberi *mahar* ialah apabila berlakunya *khulwah ṣaḥīḥah* ketika mana suami dan isteri berdua-dua dalam keadaan yang tertutup maka suami telah wajib memberikan *mahar* kepada isterinya menurut Mazhab Ḥanafī,⁵⁷ Ḥanbali⁵⁸ dan pendapat lama dalam Mazhab Shāfi’ī.⁵⁹

⁵² al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*, h.501 dan 502

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ Abī Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah (1992), *Al-Mughnī*, jil.10, Qaherah : Hijr, h.178

⁵⁵ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*

⁵⁶ Wahbah al-Zuhaylī (1998), *al-Fiqh al-Ḥanbali al-Muyassar bi Adillatihi wa Taṭbiqātihi al-Mu’assarah*, Damsyiq : Dār al-Falah, h.170.

⁵⁷ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*

⁵⁸ Muwaffaq al-Dīn ‘Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmah (2001), *al-Kāfi fī fiqh al-Imam Aḥmad ibn Ḥanbal*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h.71

⁵⁹ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*, h.502.

Sebaliknya majoriti ulama’’ Shīah Imāmiah,⁶⁰ Imam Mālik dan Imam Shāfi’ī dalam pendapat yang baru menyatakan bahawa *khulwah* atau berdua-duan ini tidak akan mensabitkan *mahar* melainkan jika berlakunya persetubuhan (الوطء).⁶¹

Perbezaan pendapat ini dilihat berpunca daripada perbezaan fuqaha’ mengenai tafsiran maksud kalimah “افضى” di dalam Surah al-Nisa’ ayat ke 21 kerana ada yang berpendapat bahawa kalimah ini membawa dua maksud yang berbeza iaitu persetubuhan melalui faraj; dan berdua-duaan samada berlakunya persetubuhan atau tidak.⁶²

Sekiranya terjadi juga keadaan *khulwah ṣaḥīḥah*, para ulama’ berbeza pandangan mengenai jumlah *mahar* yang harus diterima oleh isteri serta kewajipan ‘iddah.⁶³ Rajah di bawah menerangkan lebih jelas mengenai hal ini.

Bil	Ulamā	Status Penerimaan <i>Mahar</i> dan ‘iddah
1.	Mazhab Ḥanbali, ⁶⁴ pendapat lama Mazhab Shāfi’ī, Abū Ḥanifah, Ibn ‘Umar dan ‘Ali bin Abī Ṭālib. ⁶⁵	Isteri berhak menerima kesemua <i>mahar</i> dan diwajibkan ‘iddah padanya kerana <i>berkhulwah</i> sama seperti bersetubuh. ⁶⁶

⁶⁰ Badrāan Abū al-‘Ainain Badrān (1985), *al-Zawāj wa al-Ṭalāk fī al-Islām Fiqh Muqāran Baina al-Madhāhib al-Arba’ah al-Sunnah wa al-Madhāhib al-Ja’farī wa al-Qānūn*, Iskandariah : Muassasah Syabāb al-Jāmi’iah, h.202

⁶¹ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*, h.503.

⁶² Badrāan Abū al-‘Ainain Badrān (1985), *op.cit.*

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Muwaffaq al-Dīn ‘Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmah (2001), *op.cit.*, h.71

⁶⁵ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*, h.503.

⁶⁶ *Ibid.*

2.	Majoriti ulama'' Shīah Imāmiah ⁶⁷ Mazhab Shāfi'ī dalam pendapat yang baru, Ibn 'Abbās, Ibn Mas'ūd, Imam Mālik ⁶⁸ dan Abū Dawud. ⁶⁹	<i>Khulwah</i> tidak mensabitkan <i>mahar</i> dan tidak diwajibkan 'iddah. ⁷⁰ Jika suami dan isteri tinggal berdua-dua dan tidak bersetubuh, suami hanya wajib membayar separuh daripada <i>mahar</i> kecuali jika telah bersetubuh secara hakiki maka wajib membayar keseluruhan <i>mahar</i> . ⁷¹
----	---	---

Jadual 2.3 : Status Penerimaan *Mahar* Dan 'iddah Jika Berlaku *Khulwah*

Mahar juga disabitkan apabila salah satu pasangan meninggal dunia dan ini menjadi sebab yang ketiga.⁷² *Ittifaq* fuqaha' menyatakan apabila salah satu pasangan meninggal dunia dan belum bersetubuh, maka isteri berhak menerima *mahar* kerana *mahar* kerana sesuatu akad tidak terfasakh disebabkan oleh kematian.⁷³

Perbincangan menjadi lebih terperinci dikalangan fuqaha' apabila kematian berpunca daripada pembunuhan atau membunuh diri. Bagi Imam Shāfi'ī dan sebahagian fuqaha' Ḥanafiah,⁷⁴ mereka menyatakan isteri tidak berhak menerima *mahar* sekiranya isteri mati dengan membunuh diri secara sengaja kerana perlakuannya seperti seseorang yang telah murtad.⁷⁵ Bagaimanapun, Ibn Qudāmah mengulas keadaan ini dengan menyatakan sekalipun isteri telah membunuh diri atau membunuh suaminya, haknya terhadap *mahar* tidak akan hilang kerana perkahwinan tersebut tetap dianggap berakhir kerana kematian.⁷⁶

⁶⁷ Badrān Abū al-'Ainain Badrān (1985), *op.cit.*

⁶⁸ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*

⁶⁹ Sayyid Sābiq (2006), *Fiqh al-Sunnah*. Nor Hasanuddin (terj.), jil.3, Jakarta : Pena Pundi Aksara, h.47

⁷⁰ al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*, h.502

⁷¹ *Ibid.*, h.503

⁷² al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h 1458.

⁷³ *Ibid.* h.1464

⁷⁴ Wahbah al-Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.283

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.189

Perbahasan mengenai kewajiban membayar *mahar* telah pun diperjelaskan tetapi terdapat perbezaan pendapat mengenai kedudukannya sebagai syarat sah perkahwinan. Ibn Rushd menyatakan bahawa *mahar* adalah termasuk sebagai syarat-syarat sah dan tidak harus meninggalkannya dengan sengaja⁷⁷ tetapi berbeza dengan Imam Shāfi'ī, beliau melihat kedudukan *mahar* ini bukanlah sebagai syarat sahnya sesuatu perkahwinan kerana syarak membolehkan perkahwinan tanpa *mahar* atau tidak menyebutnya di dalam akad, atau pernikahan tanpa *mahar* atas kerelaan isteri.⁷⁸

Begitu juga di dalam Mazhab al-Shī'ah al-Imāmiah yang berpendapat bahawa *mahar* tidak menjadi syarat sah pernikahan dan sekalipun seseorang itu terlupa atau mensyaratkan tiada *mahar* di dalam akad, perkahwinan tersebut tetap dianggap sah.⁷⁹

2.4 KLASIFIKASI MAHAR DALAM ISLAM

Secara umumnya para fuqaha' menyatakan hukum menyebut *mahar* di dalam akad adalah sunat kerana Nabi S.A.W. selalu menyebutnya apabila menikahkan seseorang tetapi perbuatan Rasulullah ini tidaklah menunjukkan kepada kewajiban menyebutnya. Tujuan penyebutan *mahar* dalam akad adalah untuk mengelakkan daripada timbulnya permasalahan dan perselisihan seperti pertikaian di antara kedua-dua pasangan.⁸⁰ Perbincangan terhadap hukum menyebut *mahar* ini dilihat sebagai pencetus kepada pembahagian atau klasifikasi *mahar* di dalam Islam iaitu *mahar musamma* dan *mahar mithli*.


⁷⁷ Abī al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Rushd (2006 M/1427 H), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, jil.2. Qaherah : Dār al-Fawāiq lil Nasyar wa al-Tawzi', h.27

⁷⁸ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.* h.1422

⁷⁹ Badrān Abū al-'Ainain Badrān (1985), *op.cit.*, h.184

⁸⁰ Muṣṭafa al-Bughā, Muṣṭafa al-Khan & 'Alī al-Sharbajī (2008), *al-Fiqh al-Manhajī 'ala Madhab al-Imam al-Shafi'ī*, jil.1, Damsyiq : Dār al-Muṣṭafa, h.377

Rajah di bawah menerangkan secara ringkas kronologi pembahagian *mahar* dalam Islam.



Rajah 2.4 : Klasifikasi *Mahar* Menurut Islam

2.4.1 *Mahar Musamma*

Mahar musamma ialah *mahar* yang disebutkan jumlahnya di dalam akad yang memenuhi syarat-syarat sah *mahar* dan tidak berkurangan daripada jumlah yang telah ditentukan⁸¹ dan atas persetujuan kedua-dua belah pihak.

2.4.2 *Mahar Mithli*

Sekiranya *mahar* tidak disebut atau ditentukan semasa akad, ia dinamakan *mahar mithli* di mana *mahar* ini diberikan kepada seorang perempuan mengikut keturunan pihak perempuan seperti kakak sebapa, ibu atau neneknya dengan melihat kriteria seperti usia, kecantikan, harta, akal, agama kerana nilai *mahar* seorang perempuan biasanya berbeza kerana perbezaan faktor-faktor tersebut berdasarkan masa dan tempat.⁸² Berbeza pula dengan pendekatan di dalam Mazhab Shī'ah al-Imāmiah di mana kadar *mahar mithli* ini

⁸¹ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *al-Fiqh al-Mālikī fī Thaūbihi al-Jadīd*, jil.3, Damsyiq : Dār al-Falah, h.548

⁸² al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1451

ditetapkan oleh ahli *‘urf* yang mengetahui keadaan seseorang wanita dari aspek fizikal dan keturunannya.⁸³

Terdapat beberapa keadaan yang menyebabkan bertukarnya *mahar musamma* kepada *mahar mithli* seperti apabila sesebuah perkahwinan itu berlangsung tanpa ditentukan jumlah *mahar* atau tidak disebut dalam akad. Menurut Ibn Hammām, tiada *khilaf* dikalangan fuqaha’ mengenai hukum sahnya sesuatu akad perkahwinan tanpa menyebut *mahar*⁸⁴ kerana pernikahan itu bermaksud cantuman di antara dua pasangan, *mahar* sebagai kewajipan syarak untuk memuliakan ikatan tersebut dan tidak perlu menyebutnya untuk mensahihkan akad nikah.⁸⁵

Al-Marghinānī menerangkan sekiranya suami meninggal dunia selepas pernikahan dan telah bersetubuh maka isteri berhak mendapat *mahar mithli* sekiranya jumlah *mahar* tersebut tidak disebut di dalam akad.⁸⁶ Begitu juga apabila barang yang dijadikan *mahar* merupakan barang yang tidak halal di sisi syarak seperti arak dan khinzir,⁸⁷ atau sekiranya berlaku kecacatan dan kesamaran semasa menentukan *mahar*, maka diwajibkan *mahar mithli* ketika itu.⁸⁸

Dalam Mazhab Māliki pula, sekiranya *mahar* itu sesuatu yang tidak disampaikan seperti unta yang sesat atau sesuatu yang tidak mempunyai nilai⁸⁹ atau merupakan harta rampasan atau harta yang dicuri dan ianya diketahui selepas akad, maka *mahar* tersebut menjadi *mahar mithli*.⁹⁰

⁸³ Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h.191

⁸⁴ Ibn Hamām al-Ḥanafī (1970), *Sharh Faṭḥ al-Qadīr ‘ala al-Hidāyah : Sharh Bidāyah al-Mubtadā*, jil.3, Mesir : Matba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādihi, h.316

⁸⁵ Abī Hassan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abdul Jalīl al-Marghinānī (1965), *al-Hidāyah Sharh Bidāyah al-Mubtadā*, jil. 1, Mesir : Matba’ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādihi, h.204

⁸⁶ al-Marghinī (1965), *op.cit.*, h.204

⁸⁷ *Ibid.*, h.211

⁸⁸ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1429

⁸⁹ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *op.cit.*, h.551

⁹⁰ *Ibid.*, h.552

Suami akan diwajibkan membayar *mahar mithli* melalui tiga cara ; samada diwajibkan oleh hakim atau dengan persetujuan kedua pasangan pengantin atau kerana kerana telah berlakunya persetubuhan menurut pendapat dalam Mazhab Shāfi'ī.⁹¹

Pemberian *mahar mithli* ini sebenarnya dilihat sebagai satu solusi yang menjadi medium dalam konteks sosio-ekonomi bagi menyelesaikan permasalahan *mahar*⁹² agar kaum wanita terbela dan tidak menderita kerana penafian terhadap haknya terhadap *mahar* dan tetap menerimanya sekalipun tidak disebut atau ditentukan di dalam akad.

2.4 KEADAAN PENETAPAN MAHAR

Islam telah menetapkan *mahar* sebagai hak eksklusif seorang wanita dan ia merupakan hak kewangan yang sah dan tidak boleh dipertikaikan. Semua fuqaha' bersetuju bahawa isteri berhak mendapat kesemua *maharnya* apabila dia telah disetubuhi dan diceraikan oleh suaminya⁹³ begitu juga sekiranya suami mati selepas pernikahan dan sebelum bersetubuh, isteri berhak mewarisi harta dan menerima *mahar musamma* sepenuhnya atau *mahar mithli* (jika tidak disebut dalam akad) serta diwajibkan 'iddah kematian.⁹⁴

Fuqaha' juga telah bersepakat bahawa isteri wajib mendapat separuh *mahar* sekiranya diceraikan sebelum bersetubuh⁹⁵ dan aplikasi yang sama di dalam Mazhab Hanbali apabila suami dan isteri berpisah kerana telah menjadi *ajnabi* disebabkan hubungan susuan maka wajib bagi suami membayar separuh *mahar*.⁹⁶

⁹¹ al-Ḥusaini al-Shāfi'ī (1937), *op.cit.*

⁹² David Pearl and Werner Menski (1998), *op.cit.*, h.180

⁹³ Ibn Hamām al- Ḥanafī (1315 H), *Sharh Faṭḥ al- Qadīr*, jil.2, Mesir : Matba'ah al-Kubrā al-Amīriah, h.444

⁹⁴ al-Jazāiri (1964), *op.cit.*, h.408

⁹⁵ Wabbah al-Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.285

⁹⁶ Wabbah al-Zuhailī (1998), *op.cit.*, h.170

Namun terdapat kontradiksi pandangan terhadap jumlah *mahar* yang harus diterima oleh isteri apabila suami dan isteri *berkhulwah* tetapi tidak berlaku persetubuhan di antara mereka. Mengikut Mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī, sekiranya terjadi *khulwah ṣaḥīḥah* dan suami menceraikan isterinya sebelum bersetubuh, maka isteri berhak menerima kesemua *mahar musamma* sekiranya disebut di dalam akad, jika tidak disebut dia berhak menerima kesemua *mahar mithli*⁹⁷ dan diwajibkan ‘iddah.⁹⁸

Ini kerana *berkhulwah* itu dianggap sama seperti keadaan *berjima*’ walaupun kedua-duanya atau salah seorang daripada mereka berada dalam keadaan yang diharamkan bersetubuh seperti haid, berpuasa atau berihram.⁹⁹ Hujah ini berdasarkan riwayat Abū ‘Uba’iddah dari Zaid bin Abī Aūfa bahawa para khalifah yang empat telah menetapkan apabila pintu bilik ditutup dan dan tabir diturunkan, maka wajib bagi suami memberinya *mahar*.¹⁰⁰

Fuqaha’ Mazhab Ḥanafī juga melihat bahawa isteri tersebut telah menjalankan separuh kewajipannya dengan menyerahkan dirinya. Oleh itu haknya adalah mendapatkan *maharnya* sebagai ganti atau pembalasan terhadap kewajipan yang telah disempurnakannya.¹⁰¹

Pendekatan yang berbeza dilihat dalam pandangan Shāfi’iah dan Mālikiah¹⁰² dan sebahagian Shīah Imāmiah mengenai *khulwah ṣaḥīḥah*.¹⁰³ Mereka berpandangan apabila terjadinya *khulwah ṣaḥīḥah* dan seorang wanita itu diceraikan maka dia berhak mendapat

⁹⁷ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1459

⁹⁸ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.153

⁹⁹ *Ibid.*, h.155

¹⁰⁰ Sayyid Sābiq (1990), *op.cit.*, h.62.

¹⁰¹ Abī Hassan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abdul Jalil al-Marghinānī (1987), *Hedaya Or Guide : A Commentary On The Muslim Law*. Charles Hamilton (terj.), Lahore : New Book Company, h.46.

¹⁰² Wahbah al-Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.281

¹⁰³ Badrān Abū al-‘Ainain Badrān (1985), *op.cit.*, h.202

separuh daripada *mahar musamma* sekiranya disebut di dalam akad¹⁰⁴ tetapi jika tidak disebut, wanita tersebut hanya mendapat hak muta'ah.¹⁰⁵

Ibn Kathir menyatakan pendapat baru Imam Shāfi'ī dalam permasalahan *khulwah* ini berdasarkan zahir ayat¹⁰⁶ di dalam Surah al-Baqarah:

وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ
فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ

Maksudnya :

“dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar mahar untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari mahar yang telah kamu tetapkan itu...”

Surah al-Baqarah (2):237

Kewajipan suami untuk memberi *mahar* akan gugur sepenuhnya apabila berlaku perceraian yang berpunca daripada pihak isteri yang belum disetubuhi¹⁰⁷ seperti isteri telah murtad, atau meminta cerai kerana keaiban suami.¹⁰⁸

Hal yang sama juga apabila berlakunya perceraian bukan disebabkan telah jatuhnya talak yang berlaku sebelum bersetubuh atau sebelum *berkhulwah*, samada berpunca daripada pihak suami atau pihak isteri,¹⁰⁹ maka isteri telah hilang haknya terhadap *mahar* secara total dan tidak diwajibkan baginya 'iddah.¹¹⁰

¹⁰⁴ Ibn Hamām al- Hanafī (1315 H), *op.cit.*, h 438

¹⁰⁵ al-Marghinānī (1965), *op.cit.*, h.205

¹⁰⁶ Ibn Kathir (2004), *op.cit.*, j.1, h.483.

¹⁰⁷ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.189

¹⁰⁸ al-Kāsānī al- Hanafī (t.t.), *op.cit.*, h .1467

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*,

Ibn Qudāmah juga menjelaskan sekiranya suami isteri bersetubuh melalui dubur atau berliwat, maka tiada *mahar* yang disabitkan¹¹¹ tetapi Imam Aḥmad Ibn Ḥanbal menyatakan isteri berhak menerima keseluruhan *mahar* kerana ia telah mencapai maksud bersetubuh¹¹² melainkan jika isteri disetubuhi melalui dubur di dalam pernikahan yang tidak sah maka tiada *mahar* baginya.¹¹³

Imam Aḥmad Ibn Ḥanbal turut mengatakan suami tidak perlu membayar *mahar* sekiranya isteri melepaskan atau menghadiahkan kesemua *maharnya* kepada suami sebelum isteri menerima *maharnya* samada berbentuk harta atau hutang, sebelum atau selepas bersetubuh,¹¹⁴ atau jika berlakunya *Khulu'* iaitu tebus talak ke atas *maharnya* sebelum atau selepas bersetubuh.¹¹⁵ Jika *mahar* yang telah dihadiahkan tersebut belum diterima, suami tidak perlu membayarnya dan jika isteri telah menerimanya, maka ia perlu memulangkan kembali *mahar* kepada suaminya mengikut pendapat Abū Ḥanifah.¹¹⁶

Sarjana barat melihat isu pengurangan jumlah *mahar* ini sebenarnya menjadi suatu perbincangan yang agak kompleks terutama dalam konteks hukum kerana kebanyakan penentuan *mahar* ini berasaskan kepada adat setempat serta mengikut sebab yang relevan dalam kes-kes yang pernah dihakimi seperti yang terjadi di dalam nikah *fāsid* yang mempunyai beberapa penetapan yang khusus dalam menyelesaikannya.¹¹⁷

Perbincangan mengenai isu nikah *fāsid* ini sebenarnya telah pun bermula sejak dari zaman Rasulullah S.A.W. di mana seorang lelaki bernama Basrah bin Aktsam telah mengahwini seorang gadis dan telah mencampurinya tetapi mendapati gadis tersebut

¹¹¹ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.178

¹¹² Wahbah al-Zuhaylī (1998), *op.cit.*

¹¹³ *Ibid.*, h.175

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ Wahbah al-Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.288

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ David Pearl and Werner Menski (1998), *op.cit.*, h.181

sedang hamil. Hal ini diadukan oleh Basrah kepada Nabi S.A.W., lalu Baginda menyatakan bahawa wanita tersebut berhak menerima *maharnya* kerana dia telah disetubuhi.¹¹⁸

Menurut syarak, pernikahan *fāsid* ini tidak diiktiraf kesahihannya termasuk juga *maharnya*, tetapi jika terjadi persetubuhan di antara pasangan tersebut, maka pihak isteri berhak menerima *mahar mithli* seperti yang telah dipersetujui oleh fuqaha' kerana telah berlakunya persetubuhan bukan disebabkan terjadinya akad.¹¹⁹ Ijmak juga menyatakan tiada *mahar* di dalam pernikahan yang batil seperti pernikahan yang kelima atau perkahwinan dengan wanita yang masih di dalam 'iddah.¹²⁰

2.6 KRITERIA MAHAR

Di dalam perundangan fiqh, fuqaha' telah menetapkan indikator-indikator yang perlu ada di dalam penetapan sesuatu seperti syarat, sebab atau rukun bagi sesuatu hukum. Sebagai contoh, syarat wajib zakat adalah harta yang dimiliki yang telah mencapai *niṣāb* iaitu kadar yang ditetapkan dan tempohnya cukup setahun.¹²¹ Begitu juga dengan perihal *mahar*.


Di zaman yang moden ini dengan penggunaan teknologi yang canggih, pelbagai barangan dapat dihasilkan. Namun tidak kesemua barangan itu boleh dijadikan *mahar*. Justeru itu, kriteria atau syarat yang sepatutnya telah digariskan agar sesuatu itu sah dan boleh dijadikan *mahar*.

¹¹⁸ Muhammad al-Mansoor (1998), *Hukum Hakam Perkahwinan*, Johor : Perniagaan Jahabersa, h.177

¹¹⁹ al-Kāsānī al-Hanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1450

¹²⁰ Wahbah al- Zuhaylī (1998), *op.cit.*

¹²¹ al- Jazīrī (2005), *op.cit.*, jil.1, h.478



Rajah 2.6 : Kriteria *Mahar*

Imam Abū Ḥanifah¹²² dan Imam Mālik¹²³ menjelaskan bahawa *mahar* mestilah merupakan harta dan jika ianya bukan dari harta maka ia tidak sah dijadikan *mahar*. Harta ini pula adalah harta yang mempunyai nilai.¹²⁴ Bagi Imam Shāfi’ī dan Imam Aḥmad, mereka tidak menjadikan harta yang bernilai sebagai syarat sebaliknya bahawa apa sahaja yang bernilai samada harta atau tidak, boleh dijual atau berlakunya pertukaran iaitu *al-‘iwad*, hukumnya harus ia dijadikan *mahar*¹²⁵ begitu juga dengan harta yang boleh disewakan maka ianya boleh dijadikan *mahar*.¹²⁶

Percanggahan ini berpunca daripada perbezaan mereka menginterpretasi ayat al-Quran di mana Abū Ḥanifah melihat maksud kalimah “*meminta wanita dengan harta (mahar)*” di dalam Surah al-Nisa’ ayat ke 24 sebagai syarat *mahar* mestilah daripada harta.¹²⁷ Tetapi hujahnya ini disangkal kerana ayat ini sebenarnya menunjukkan keharusan memberi *mahar* dalam bentuk harta dan tidak menafikan sekiranya pemberian selain harta tidak harus atau tidak dibolehkan.¹²⁸

¹²² al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1429

¹²³ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *op.cit.*, h.531

¹²⁴ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*

¹²⁵ Ibn Hamam al-Ḥanafī (1315 H), *op.cit.*, h. 435

¹²⁶ al-Shāfi’ī (1393H/1973M), *op.cit.*, h.59

¹²⁷ al-Rāzī (1994), *op.cit.*, h.49

¹²⁸ *Ibid.*

Ibn al-Qayyim juga menolak pendapat yang menyatakan bahawa *mahar* mestilah merupakan harta kerana baginya memberikan manfaat seperti ilmu dan mengajarkan ilmu juga boleh diterima sebagai *mahar*.¹²⁹

Justeru mengajar al-Quran, hadis, ilmu penulisan, pertukangan¹³⁰ atau memberi perkhidmatan selama setahun boleh diterima sebagai *mahar* menurut jumhur termasuk Imam Shāfi'ī tetapi bagi Imam Mālik dan Abū Ḥanifah¹³¹ ianya tidak sah dijadikan *mahar* dan isteri akan mendapat *mahar mithli*¹³² kerana manfaat ini tidak boleh disamakan pertukarannya dengan harta yang boleh dinilai.¹³³ Perubahan zaman yang berlaku menyebabkan ulama' *mutaakhirīn* dari Mazhab Hanafi bersetuju bahawa manfaat dan perkhidmatan seperti mengajar al-Quran diterima sebagai *mahar*.¹³⁴

Hujah yang dikemukakan oleh jumhur ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abī Hurairah di mana ayat al-Quran sebagai *mahar* yang tidak mempunyai ciri-ciri sebagai harta¹³⁵ dan kisah Nabi Shua'ib yang hendak mengahwinkan anak perempuannya dengan Nabi Musa iaitu:

قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنِكَحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ
عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي ثَمَنِي حَجَبٍ

Maksudnya :

"aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun.."

Surah al-Qasas (28):27

¹²⁹ Sayyid Sābiq (2006), *op.cit.*, h.43

¹³⁰ Muwaffaq al-Dīn `Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmah (2001), *op.cit.*, h.76

¹³¹ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, h.484

¹³² al-Marghinānī (1965), *op.cit.*, h.207

¹³³ Wahbah al- Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.257.

¹³⁴ Badrān Abū al-`Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h.188

¹³⁵ Abū Dawud Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sajistānī (t.t), *Sunan Abī Dawud*. "Kitab al-Nikāḥ", no.hadis : 2112. j.2. Lubnan: Dār Iḥyā' al-Sunnah al-Nabawiyyah, h.235.

Seperti di dalam akad jual beli di mana jika seseorang menjual sesuatu yang bukan miliknya, maka jual beli tersebut tidak sah.¹³⁶ Begitu juga dalam pemberian *mahar* di mana tidak boleh sesuatu itu dijadikan *mahar* sekiranya pemiliknya tidak memiliki harta tersebut secara mutlak.¹³⁷ Al-Jazīrī menyatakan sekiranya *mahar* merupakan harta yang dirampas, perkahwinan tetap sah dan diiktiraf di dalam semua mazhab dan isteri akan memiliki *mahar mithli*.¹³⁸

Kriteria lain yang perlu ada pada *mahar* ialah sesuatu yang boleh disampaikan.¹³⁹ Jika barang yang dijadikan *mahar* merupakan barangan yang tidak boleh disampaikan atau mustahil untuk diberi¹⁴⁰ ataupun sesuatu barang yang tidak diketahui ukuran, berat, bentuk atau fizikalnya, maka ianya tidak sah dijadikan sebagai *mahar*¹⁴¹ menurut Mazhab Māliki, Shāfi'ī dan Ḥanbali.¹⁴² Sebagai contoh, jika sehelai baju hendak dijadikan *mahar* perlulah ditentukan jenisnya samada dari kain kapas atau sutera, kerana ia memberikan perbezaan dari segi nilai dan sebagai langkah bagi mengelakkan berlakunya sebarang kerosakkan atau kesamaran.¹⁴³ Bagaimanapun Imam Ḥanafi membolehkan *mahar* daripada sesuatu yang tidak diketahui atau *majhul* selagi mana kesamarannya tidak melebihi *mahar mithli*.¹⁴⁴

Islam sememangnya mementingkan kualiti dan ketulenan. Oleh itu, sesuatu yang dijadikan sebagai *mahar* perlulah melepasi piawaian Islam iaitu halal di sisi syarak.¹⁴⁵ Sekiranya barangan yang haram seperti arak, anjing atau khinzir dijadikan *mahar*,¹⁴⁶

¹³⁶ Shāfi'ī, Abī 'Abdullah Muḥammad bin Idris al- (1393H/1973M), *al-Umm*, cet.2, jil.5, Beirut : Dār al- Ma'rifah, h.112

¹³⁷ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.108

¹³⁸ al-Jazīrī (2005), *op.cit.*, h.81

¹³⁹ Wahbah al- Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.259

¹⁴⁰ Muwaffaq al-Dīn 'Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmah (2001), *op.cit.*, h.74

¹⁴¹ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1428

¹⁴² Wahbah al- Zuhaylī (2008), *op.cit.*, h.258 dan 259.

¹⁴³ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1440.

¹⁴⁴ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*

¹⁴⁵ Ibn Hamam al-Ḥanafī (1315 H), *op.cit.*, h.450.

¹⁴⁶ *Ibid.*

golongan Shāfi'iah dan Ḥanabilah tidak menerimanya menjadi *mahar* dan pihak perempuan akan menerima *mahar mithli*.¹⁴⁷

Hukum perkahwinan tetap sah menurut jumhur ulama' termasuk Mazhab Shīah¹⁴⁸ tetapi Imam Mālik menegaskan bahawa pernikahan tersebut batal¹⁴⁹ kerana suami memberi *mahar* yang tidak sah di sisi syarak dan isteri tidak berhak menerima *mahar mithli* kecuali telah bersetubuh.¹⁵⁰ Namun begitu, sekiranya konsep *mahar* ini dinilai kembali menerusi perspektif seperti yang dinyatakan oleh Imam Shāfi'ī bahawa status *mahar* bukanlah sebagai syarat sahnya perkahwinan,¹⁵¹ maka sesuatu perkahwinan tidak akan terbatal kerana kewujudan *mahar* yang tidak sah atau *mahar fāsīd*.

2.7 KADAR PEMBERIAN MAHAR

Sebenarnya Islam tidak menetapkan batasan nilai minimum atau maksimum dalam menentukan kadar *mahar* tetapi apa sahaja yang bernilai samada berbentuk fizikal mahupun berbentuk manfaat, ia boleh dijadikan *mahar*.¹⁵² Bagaimanapun, kombinasi di antara adat dan tradisi dalam sesuatu masyarakat menyebabkan praktik amalan menetapkan *mahar* ini berbeza mengikut keluarga dan bergantung kepada kemampuan individu¹⁵³ kerana pada dasarnya *mahar* itu dinilai dengan apa sahaja yang berharga dan bernilai di sisi syarak.¹⁵⁴

¹⁴⁷ Wahbah al- Zuhaylī (2008), *op.cit*

¹⁴⁸ Badrān Abū al-'Ainain Badrān (1985), *op.cit.*, h.188

¹⁴⁹ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, h.485

¹⁵⁰ Wahbah al- Zuhailī (2008), *op.cit.*, h.267.

¹⁵¹ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.* h.1422

¹⁵² al-Ḥusaini al-Shāfi'ī (1937), *op.cit.*

¹⁵³ Sayyid Sābiq (2006), *op.cit.*, h.41

¹⁵⁴ al-Shawkānī (1971), *op.cit.*, h.189

Tiada nas di dalam al-Quran ataupun al-Sunnah yang menyebut kadar *mahar* yang paling tinggi, oleh yang demikian para ulama' telah berijmak dan bersepakat menetapkan bahawa tiada had yang paling tinggi dalam memberi *mahar*, tetapi fuqaha' mempunyai pelbagai pendapat mengenai kadar *mahar* yang paling rendah.¹⁵⁵

Di dalam kitab *al-Umm*, Imam Shāfi'ī menyatakan bahawa tiada penetapan paling tinggi atau paling rendah dalam menentukan kadar *mahar* kerana baginya nilai paling minimum dalam *mahar* adalah nilai minimum yang diterima oleh masyarakat setempat tetapi digalakkan agar tidak melebihi *mahar* isteri-isteri dan anak Rasulullah S.A.W. iaitu lima ratus dirham.¹⁵⁶

Ini kerana apa yang penting adalah keredhaan kedua-dua belah pihak dan berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W. yang menyatakan : “*Carilah (untuk mahar) walaupun sebetuk cincin besi*”¹⁵⁷ menunjukkan secara umum nilai maksimum atau minimum kadar *mahar*.¹⁵⁸ Pandangan ini turut disokong oleh Imam Aḥmad, Ishak, Abū Thur dan fuqaha' Madinah dari kalangan *al-tābi'īn*. Bagi Sheikh al-Hilli pengarang kitab *al-Nafi' fī Fiqh al-Imāmiyah* menyatakan bahawa kadar *mahar* bukanlah ditentukan pada banyak atau sedikit jumlahnya, tetapi ia lebih kepada penetapan dalam keadaan yang dipersetujui.¹⁵⁹

Pada masa yang sama, terdapat juga golongan yang berpendapat wajib menentukan kadar pemberian *mahar* supaya nilainya dihormati dan tidak dipandang enteng terutamanya dalam menetapkan kadar *mahar* yang paling rendah.¹⁶⁰ Golongan yang dimaksudkan adalah fuqaha' dari Mazhab Ḥanafiah dan Mālikiah.¹⁶¹ Mereka bersetuju menetapkan

¹⁵⁵ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *op.cit.*, h.525

¹⁵⁶ al-Shāfi'ī, (1413H/1993M), *op.cit.*, h.88

¹⁵⁷ Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Nisāburī (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, “Kitab al-Nikāḥ”, jil.1, Mesir : Isa al-Bābī al-Ḥalabī, h.596.

¹⁵⁸ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, h.482

¹⁵⁹ Badrān Abū al-'Ainain Badrān (1985), *op.cit.*, h.187

¹⁶⁰ al-Marghinī (1987), *op.cit.*, h. 44

¹⁶¹ Ibn Rushd (2006 M/1427 H), *op.cit.* h. 29

nisbah kadar *mahar* yang paling rendah dengan mengqiyaskannya mengikut *niṣāb* kecurian yang boleh menyebabkan hukuman potong tangan, tetapi mereka berselisih pandangan terhadap nilai *niṣāb* tersebut.¹⁶²

Imam Abū Ḥanifah menetapkan kadar *mahar* yang paling rendah adalah sepuluh dirham atau barangan yang nilainya sama dengan sepuluh dirham¹⁶³ berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari Jabir yang bermaksud : *tiada mahar kurang dari sepuluh dirham*. Jika nilai *mahar* kurang daripada yang telah ditentukan ini, *mahar* tersebut tetap akan dikira sebagai sepuluh dirham¹⁶⁴ dan tiada halangan untuk memberi *mahar* lebih daripada sepuluh dirham kerana tiada hadis yang menafikan penambahan dalam jumlah *mahar*.¹⁶⁵

Namun, Imam Shawkānī menyanggah hadis dari Jābir ini kerana sekalipun hadis ini sahih tetapi ia bertentangan dengan hadis-hadis yang menunjukkan sah *mahar* walaupun nilainya kurang daripada sepuluh dirham.¹⁶⁶

Imam Mālik pula menetapkan bahawa kadar *mahar* yang paling rendah dan yang masyhur mengikut mazhab ini adalah tiga dirham daripada perak¹⁶⁷ atau ¼ dinar¹⁶⁸ daripada emas yang tulen atau nilai yang menyamai salah satu daripadanya. Jika ditukar kepada gram nilai yang paling rendah adalah 0.9 gram untuk emas dan untuk perak adalah 7.56 gram.¹⁶⁹

¹⁶² *Ibid.*

¹⁶³ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1426

¹⁶⁴ al-Marghinānī (1965), *op.cit.*, h. 204

¹⁶⁵ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*

¹⁶⁶ al-Shawkānī (1971), *op.cit.*, h.188

¹⁶⁷ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *op.cit.*

¹⁶⁸ al-Shawkānī (1971), *op.cit.*

¹⁶⁹ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *op.cit.*

Sekiranya kadar *mahar* ini kurang daripada yang ditetapkan, suami mestilah mencukupkannya menjadi $\frac{1}{4}$ dinar atau tiga dirham untuk mensahihkan akad nikah, jika tidak akad tersebut akan difasakhkan dengan talak dan isteri berhak menerima separuh *mahar musamma*.¹⁷⁰

Pandangan tokoh lain seperti Ibn Shibramah, menyatakan jumlah *mahar* yang paling sedikit adalah lima dirham, al-Nakha'ī empat puluh dirham dan Sa'id bin Jābir lima puluh dirham¹⁷¹ kerana inilah *niṣāb* kecurian mengikut pandangan mereka.¹⁷² Ada juga yang berpendapat bahawa *mahar* itu sah daripada apa sahaja yang berharga dan kadar nilainya melebihi daripada $\frac{1}{4}$ dinar.¹⁷³

Walaupun ada riwayat yang menyatakan kadar *mahar* yang tinggi seperti kisah 'Abdullah bin 'Umar mengahwinkan anak saudaranya dengan *mahar* sepuluh ribu dirham, Ānas R.A. berkahwin dengan seorang wanita dan *maharnya* juga sepuluh ribu dirham dan Muṣ'ab bin Zubair mengahwini 'Aisyah binti Talhah dengan *maharnya* seratus ribu dirham, Imam Shāfi'ī berpendapat secara ekonominya amatlah digalakkan merendahkan kadar *mahar*.¹⁷⁴

Ini adalah untuk memudahkan urusan perkahwinan kerana tuntutan yang lebih utama dalam perkahwinan adalah mengembangkan zuriat berbanding kadar *mahar* yang banyak kerana ianya lebih berbentuk material dan secara tidak langsung ia juga menyebabkan golongan yang kurang berkemampuan seperti fakir miskin sukar untuk berkahwin.¹⁷⁵

¹⁷⁰ *Ibid.*

¹⁷¹ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*


¹⁷² Ibn Rushd (2006 M/1427 H), *op.cit.*

¹⁷³ al-Jazāirī (1964), *op.cit.*

¹⁷⁴ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, h.483

¹⁷⁵ al-Shawkānī (1971), *op.cit.*, h.191

2.7 PEMBAYARAN MAHAR



Jadual 2.7 : Cara Pembayaran Mahar

Majoriti fuqaha' menyatakan harus membayar *mahar* secara segera (المعجل) semasa akad atau secara tangguh (المؤجل) ataupun secara tangguh sebahagiannya dan segera sebahagian¹⁷⁶ samada dalam bentuk barangan (عينا) atau secara hutang (دينا)¹⁷⁷ bergantung kepada adat masyarakat dan kebiasaan yang berlaku. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T :

وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ
فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ

Maksudnya :

“dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar mahar untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari mahar yang telah kamu tetapkan itu...”

Surah al-Baqarah (2):237

¹⁷⁶ al-Jazāirī (1964), *op.cit.*

¹⁷⁷ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, h.484

Suami diharuskan bersegera memberi sesuatu kepada isteri sebelum bersetubuh¹⁷⁸ sepertimana kisah ‘Ali R.A. yang diminta memberi Fatimah sesuatu sebelum mereka bersama.¹⁷⁹ Menurut Imam Shāfi’ī, *mahar* wajib diberi segera apabila telah ditetapkan atau telah berlaku persetubuhan samada di dalam pernikahan yang sah atau pernikahan *fasid*.¹⁸⁰ Sekiranya *mahar* telah disyaratkan untuk dibayar dalam bentuk tangguh dan tidak ditentukan tempohnya, ianya sah mengikut pendapat Imam Aḥmad bin Ḥanbal dan menyatakan, *mahar* yang ditangguh hanya akan diterima jika berlaku kematian atau perceraian sahaja tetapi Imam Abū Ḥanifah tidak bersetuju dan menyatakan pembayaran secara tangguh akan terbatal jika tidak ditentukan tempohnya dan wajib dibayar secara tunai.¹⁸¹

Desakan membayar *mahar* pada tempoh yang ditetapkan ini sebenarnya berkait rapat dengan pembayaran *mahar* secara tangguh yang akhirnya membangkitkan isu isteri menghalang suami daripada bersamanya sehinggalah *mahar* dibayar. Walaupun isteri ingkar menurut kehendak suami dalam melakukan hubungan, ia tidak menyebabkan isteri tersebut menjadi *nusyuz*.¹⁸²

Abū Ḥanifah membahaskan bahawa suami tidak boleh mencampuri isterinya sehingga membayar terlebih dahulu *mahar* yang telah dijanjikan melainkan jika *mahar* yang dibayar secara tangguh itu atas kerelaan dan persetujuan isteri, maka suami berhak ke atas dirinya¹⁸³ seperti mana dalam akad jual beli, penjual berhak menahan barangan jualan sehingga harganya dibayar.

¹⁷⁸ al-Jazāirī (1964), *op.cit*

¹⁷⁹ Abū Dawūd Sulaymān ibn al-Ash`ath al-Sajistānī (t.t.), *Sunan Abī Dawūd*. “Kitab al-Nikāh, no.hadith : 2125. j.2. Lubnan: Dār Iḥyā’ al-Sunnah al-Nabawīyyah, h.240.

¹⁸⁰ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h.1451

¹⁸¹ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.115

¹⁸² David Pearl and Werner Menski (1998), *op.cit*.

¹⁸³ Sayyid Sābiq (2006), *op.cit.*, h.46

Begitu juga halnya pada seorang isteri yang mempunyai hak untuk tidak bersama suaminya sehinggalah *mahar* dibayar kepadanya¹⁸⁴ atau sehingga suaminya menentukan *maharnya* dan menyerahkan kepadanya¹⁸⁵ berdasarkan hadis yang bermaksud :

*“Shababah telah berkata : Hisham bin al-Ghaz dari Nafi’ dari Ibn ‘Umar berkata: Tidak dibenarkan seorang Muslim mencampuri seorang perempuan (isterinya) sehingga dia memberikannya sesuatu samada sikit ataupun banyak”*¹⁸⁶

Bagaimanapun Ibn Hazim menyoroti pendapat ini dengan menyatakan bahawa sebaik sahaja sahnya sesuatu akad nikah, maka seorang perempuan itu telah sah menjadi isteri lelaki yang dinikahinya. Justeru sesiapa yang menghalang suami daripada mencampuri isterinya kerana belum membayar *mahar* bermaksud ia menghalang hak kehidupan antara suami dan isteri. Tidak dinafikan bahawa suami tidak boleh dihalang untuk mencampuri isterinya begitu juga hak isteri untuk memperoleh *maharnya*. Suami tetap boleh mencampuri isterinya dalam keadaan redha atau terpaksa dan isteri berhak mengambil apa sahaja milik suami ketika itu sebagai bayaran *maharnya*.¹⁸⁷

Bagi Imam Mālik, jika *mahar* dibayar secara tangguh sepenuhnya atau sebahagiannya, wajib ditentukan tempoh penangguhannya, jika tidak nikah tersebut menjadi *fāsid*.¹⁸⁸ Pendapat yang masyhur di dalam mazhab Māliki menyatakan keharusan penangguhan pemberian *mahar* sehingga waktu bersetubuh dengan syarat ditentukan waktu tersebut.¹⁸⁹

¹⁸⁴ al-Kāsānī al-Ḥanafī (t.t.), *op.cit.*, h .1452

¹⁸⁵ al-Shawkānī (1971), *op.cit.*, h.196

¹⁸⁶ Abī Bakr ‘Abdullah bin Muḥammad bin Abī Syaibah (2006), *al-Muṣonnaf li Abī Shaibah*, “Kitab al-Nikāḥ”, no hadith : 16704 , jil.9. Lubnan : Dār al-Qurṭubah, h.155.

¹⁸⁷ Sayyid Sābiq (2006), *op.cit.*

¹⁸⁸ Muḥammad Bashīr al-Shafaqah (2008), *op.cit.*, h.533

¹⁸⁹ *Ibid.*, h.534

Imam Shāfi'ī menyatakan *mahar muajjal* yang tidak ditentukan tempohnya adalah *mahar fāsīd* dan *mahar mithli* akan diberi kepada isteri.¹⁹⁰ Mazhab Shāh pula menyatakan *mahar* harus dibayar dengan segera sekiranya cara pembayaran tidak dinyatakan begitu juga jika tempoh penangguhan tidak diberitahu, maka tempoh tersebut batal dan *mahar* wajib dibayar secara tunai.¹⁹¹

Apa yang dapat diperhatikan, pandangan Imam Aḥmad bin Ḥanbal yang menerima konsep pembayaran *mahar* secara tangguh tanpa ditentukan tempoh tertentu ini secara tidak langsung akan menyebabkan timbulnya isu suami tidak melangsaikan sepenuhnya jumlah *mahar*.¹⁹² Ianya seolah-olah menafikan hak seorang isteri akibat terpaksa menanti dalam tempoh yang lama untuk menerima haknya yang hanya dapat diperolehi selepas kematian suaminya atau berlaku perceraian. Hal ini kerana pada asalnya *mahar* itu diwajibkan selepas sempurnanya akad dan seharusnya berlaku pertukaran.¹⁹³

Justeru, sekiranya berlaku keadaan seperti ini, maka hukum asal seharusnya digunakan ataupun penerimaan *mahar mithli* oleh isteri yang dilihat lebih relevan untuk diadaptasi dalam konteks kehidupan kini kerana sebahagian besar isu penangguhan *mahar* adalah berpunca daripada adat dan kebiasaan yang diamalkan oleh masyarakat setempat.¹⁹⁴

¹⁹⁰ Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h.115

¹⁹¹ Badrān Abū al-‘Ainain Badrān (1985), *op.cit.*, h.189

¹⁹² David Pearl and Werner Menski (1998), *op.cit.*, 180

¹⁹³ Wahbah al- Zuḥaylī (2008), *op.cit.*, h.271

¹⁹⁴ David Pearl and Werner Menski (1998), *op.cit.*

2.9 KESIMPULAN

Dapat kita lihat bahawa Allah mensyariatkan *mahar* agar kaum lelaki menyedari peranan dan tanggungjawabnya terhadap isteri dan sebagai persediaan permulaan untuk kehidupan masa hadapan. Penilaiannya dari sudut bentuk fizikal, kadar dan jenis pembayarannya banyak bergantung kepada amalan atau praktik masyarakat setempat. Ini kerana perbezaan geografi dan demografi penduduk menyebabkan timbulnya perbezaan dari sudut pemberian dan penerimaan *mahar*. Apa yang pasti, kita perlu memahami bahawa kewajipan ini seharusnya tidak menyebabkan ianya menjadi suatu bebanan yang berpunca daripada sifat materialistik atau kebendaan yang dikatakan saling berkait rapat dengan perkembangan ekonomi dan taraf kehidupan sosial masyarakat setempat.